

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: University Teaching and Learning Centre
Sent: 25 Mei 2016 16:40
To: UUM - All Staff
Cc: UUM - UTLC
Subject: MOOCS 2016 - KAEDAH PEMBELAJARAN DI ABAD KE-21



Pusat Pengajaran
Pembelajaran Universiti
UNIVERSITY TEACHING AND LEARNING CENTRE

Universiti Utara Malaysia



25 MEI 2016/ 18 SYAABAN 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

MOOCS 2016 – KAEDAH PEMBELAJARAN DI ABAD KE-21



UTLC ONLINE: 24 May 2016, Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC) telah mengadakan Bengkel Massive Open Online Courses (MOOCs) di UTLC Learning Lab, bertempat di bangunan OYAGSB. Bengkel ini bertujuan mendedahkan warga akademik yang terlibat mengenai pembangunan Massive Open Online Courses (MOOCs) di UUM.

Bengkel yang telah dihadiri seramai 14 orang peserta yang terdiri daripada wakil dari pusat pengajian ini telah dikendalikan oleh Timbalan Pengarah (Latihan) UTLC, Dr Hasniza Nordin. Beliau telah menerangkan secara terperinci berkenaan tujuan dan proses pembangunan MOOCs di UUM.

Peserta didedahkan dengan teori dan praktikal pembangunan MOOCs dimana peserta diberikan peluang merasai sendiri pengalaman sebagai seorang pelakon di hadapan kamera sepanjang pembikinan MOOCs. Disamping itu, Timbalan Pengarah (Teknikal) UTLC, Dr. Muhamad Shahbani Abu Bakar turut memberikan penerangan ringkas berkenaan kepentingan MOOCs diperingkat nasional dan global dimana MOOCs merupakan salah satu kaedah pembelajaran di abad ke-21 ini.

Pihak UTLC berharap bengkel ini dapat memberikan input berguna kepada warga akademik dalam memantapkan lagi kualiti MOOCs UUM di masa hadapan.

Sekian.



BEST REGARDS:
UNIVERSITY TEACHING AND LEARNING CENTRE (UTLC)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
CONVENTION COMPLEX
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN.
TEL : 04-928 4697
FAKS : 04-928 4702
E-MEL : utlc@uum.edu.my



Universiti Pengurusan Terkemuka



Tidak perlu dicetak e-mel ini kecuali benar-benar perlu.
(Please don't print this e-mail unless necessary)